

**PERGERAKAN MAHASISWA MASA KINI - SUATU  
TINJAUAN DARI ASPEK PENGURUSAN ORGANISASI**

oleh

**MOHD. RAZALI BIN ABDUL RASHID  
MOHD. IDRUS BIN ARIFFIN**

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

**MEI 1991**

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih serta terhutang budi kami kepada beberapa orang yang telah memberikan bantuan kepada kami dalam menjalankan kajian ini. Pertamanya, ucapan terima kasih kami rakamkan kepada Ketua Kursus Diploma Pentadbiran Awam, Encik Hashim Ahmad, yang telah memberikan banyak bantuan serta begitu sabar melayani segala karenah kami. Keduanya, ucapan terima kasih juga untuk pensyarah kami, Puan Saleha Hassan, kerana memberikan tunjuk ajar yang amat penting dan berguna dalam menyiapkan kertas projek ini.

Di samping itu kami juga ingin merakamkan rasa terhutang budi kami kepada semua pihak yang membantu kami sama ada dalam bentuk maklumat, cadangan, komen dan seumpamanya (walaupun tidak mahu nama mereka dicatatkan).

Semoga Allah s.w.t. memberikan balasan yang setimpal dengan budi baik anda sekalian.

Mohd. Razali bin Abdul Rashid

Mohd. Idrus bin Ariffin

## **ABSTRAK**

Mahasiswa adalah golongan yang sentiasa mendapat perhatian ramai di mana-mana negara. Di negara kita, ramai orang yang sering memperkatakan tentang mahasiswa sama ada tentang peranan mereka, mutu akademik dan sebagainya. Namun, tidak ramai yang cuba melihat pengurusan organisasi mereka. Aktivis mahasiswa sendiri lebih suka berbicara tentang visi, program, demonstrasi dan seumpamanya. Amat sedikit di kalangan mereka yang cuba menganalisa pengurusan organisasi mahasiswa. Menyedari kekurangan ini, kami telah cuba meninjau pengurusan organisasi mahasiswa dan seterusnya cuba mengaitkannya dengan kelemahan pergerakan mahasiswa itu sendiri. Di samping itu kami juga memberikan beberapa cadangan yang dirasakan dapat membantu meningkatkan pengurusan organisasi sekaligus memantapkan pergerakan mahasiswa itu sendiri.

Kami memanfaatkan pengalaman kami sendiri yang pernah terlibat secara langsung dengan beberapa organisasi mahasiswa. Kami juga menemui bekas-bekas aktivis mahasiswa sama ada lepasan pusat pengajian tinggi tempatan mahu pun seberang laut. Di samping itu kami menemubual beberapa pimpinan pergerakan mahasiswa tempatan, pensyarah, serta mahasiswa sendiri. Seterusnya, untuk memantapkan lagi kajian ini kami mendapatkan maklumat-maklumat yang perlu daripada pelbagai sumber termasuklah buku, majalah, kertas kerja dan sebagainya.

# KANDUNGAN

Muka surat

<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
DEFINISI	1
FOKUS	5
PERGERAKAN MAHASISWA SEPINTAS LALU	6
PENYATA MASALAH	8
OBJEKTIF KAJIAN	13
KEPENTINGAN KAJIAN	14
METODOLOGI KAJIAN	15
<b>2 ANALISA KEPUTUSAN</b>	
PERGERAKAN MAHASISWA MASA KINI	18
PUNCA KELESUAN PERGERAKAN MAHASISWA	24
<b>3 PENUTUP</b>	
KESIMPULAN	34
CADANGAN	39

BIBLIOGRAFI

# **BAB 1 PENGENALAN**

## **DEFINISI**

Sebelum dihuraikan dengan lebih lanjut tentang pergerakan mahasiswa, lebih dahulu dijelaskan definisi yang digunakan dalam kajian ini bagi perkataan-perkataan utama yang dijadikan tajuk Kertas Projek ini.

### **Pergerakan mahasiswa**

Secara umum, "pergerakan" boleh ditakrifkan sebagai "usaha (kegiatan) dalam masyarakat". Pergerakan atau *movement* juga dapat ditakrifkan sebagai "*united actions and efforts of a group for a special purpose*". Perkataan lain yang sering disamakan dengan perkataan pergerakan ialah "gerakan". Pergerakan mahasiswa atau gerakan mahasiswa sebenarnya adalah merujuk kepada mahasiswa yang bertindak, atau melakukan sebarang usaha atau kegiatan untuk mencapai sesuatu matlamat tertentu yang mereka tentukan.

Mungkin "pergerakan" membawa pengertian yang hampir sama dengan "organisasi" dalam